

SUKARELAWAN MAJLIS KONVOKESYEN KE-11 UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG 2016

Assalamualaikum Dan Salam Sejahtera.

Sekretariat Majlis Konvokesyen ke-11 UMP 2016 ingin mempelawa kepada mana-mana pelajar **UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP)** yang berminat untuk menjadi **SUKARELAWAN** Majlis Konvokesyen Ke-11 UMP 2016.

Pelajar yang berminat boleh menyerahkan nama di kaunter pentadbiran Bahagian Pengurusan Akademik (Kampus Pekan dan Gambang) bermula **4 Nov 2016 hingga 9 Nov 2016 pada waktu operasi pejabat sahaja.**

Maklumat yang perlu diberikan adalah Nama, No Matrik, Fakulti , Emel dan Nombor Telefon.

Sukarelawan akan menerima beberapa imbuhan dari pihak Universiti seperti **MARKAH MERIT** dan **SIJIL**.

Untuk makluman, Sukarelawan akan membantu pihak Universiti di dalam pengurusan Majlis Konvokesyen Ke- 11 UMP 2016 yang akan berlangsung pada 19 hingga 21 Nov 2016 ini. Tugas sukarelawan ini akan bermula pada 11 Nov 2016 hingga 21 Nov 2016. Penjadualan tugas akan diselaraskan oleh Sekretariat Konvokesyen.

Anggaran jumlah sekarelawan yang diperlukan adalah seramai 100 orang sahaja. Cepat-cepat...inilah masanya untuk meraih pengalaman di dalam Majlis Konvokesyen UMP. Sebagai **BONUS** markah **MERIT** akan diberikan...dan juga merasai sendiri bahang dan keseronokan graduan pada hari bersejarah mereka...

PEMBAHAGIAN WAKTU BERTUGAS:

TARIKH	MASA	LOKASI	LAIN-LAIN
11 NOV 2016	8.30 PAGI – 11.30 PAGI	KOMPLEKS SUKAN UMP	-
14 – 21 NOV 2016	8.30 PAGI – 6.00 PETANG	BLOK W	JADUAL BERTUGAS AKAN DIBERIKAN BERDASARKAN PENJADUALAN KULIAH ANDA
17 NOV 2016	8.30 PAGI – 11.30 PAGI	KOMPLEKS SUKAN UMP	-
18 NOV 2016	8.30 PAGI – 11.30 PAGI	KOMPLEKS SUKAN UMP	-